

SABTU, 23 JANUARI, 1982

Komponen Barisan diingat jangan 'melatah'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan pemimpin-pemimpin UMNO dan parti komponen Barisan Nasional supaya jangan "latah" dalam menghadapi sesuatu isu terutama di khalayak ramai.

Perdana Menteri memberi amaran, jika kita latah terutama sekali jika melatah di khalayak ramai maka isu yang mudah diselesaikan akan menjadi begitu "rigid" kerana pendirian masing-masing sudah diketahui umum sehingga tak mungkin penyelesaian dapat dibuat.

Katanya, ini sudah tentu memberi peluang kepada musuh parti yang tidak jemu mencari isu bagi menimbulkan salah faham antara kita sesama sendiri di samping memecah-belahkan parti.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional menegaskan demikian ketika berucap di majlis "Jasa mu Dikenang" untuk bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn anjuran UMNO di Dewan Nirwana, Hotel Hilton.

Majlis tersebut dihadiri oleh semua wakil 114 Bahagian UMNO dan juga wakil parti komponen Barisan Nasional sebanyak 11 buah parti komponen.

Presiden UMNO itu menggesa pemimpin-pemimpin parti komponen BN mengambil contoh Tun Hussein yang terkenal sebagai seorang yang tidak mudah latah dan selalu mengambil masa yang panjang untuk meneliti sesuatu isu itu dengan sehalus-halusnya.

Katanya, kejayaan Tun Hussein sebagai pemimpin BN ialah kerana beliau selalu tenang atau selalu "keep his cool" dalam semua peristiwa.

"Akhirnya dengan pengertian yang mendalam beliau dapat memberi keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak," tegas beliau.

Perdana Menteri juga menggelarkan Tun Hussein sebagai simbol perpaduan dalam UMNO dan Barisan Nasional.

Katanya, Tun Hussein sering kali menegaskan kepentingan perpaduan dan malam ini yang merupakan malam perpisahan hendaklah mengingati semula amanah-amanah yang diberikan oleh Tun.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menganggap Tun Hussein sebagai seorang negarawan yang jaguh dalam mendukung dan memegang kuat kepada prinsip.

Menurutnya disebabkan pegangan inilah maka parti telah dapat mengatasi segala krisis parti dan kerajaan yang berlaku semasa pimpinannya.

Oleh kerana pegangan inilah, tegas beliau, Tun Hussein dihormati oleh rakyat dan menjadi kenyataan dalam pilihanraya umum 1978 di mana Barisan Nasional mencapai kemenangan luar biasa.

"Sebenarnya selain dari kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955, kemenangan pada tahun 1978 di bawah pimpinan Tun Hussein ialah yang terbaik sekali bagi BN yang mewarisi tempat perikatan," katanya.

Presiden UMNO itu menerangkan bahawa dalam sejarah Islam UMNO memang ada pergolakan kerana pertukaran pemimpin tetapi umumnya tabiat UMNO ialah merapatkan semula barisan setelah pemilihan dibuat.

Katanya, peralihan kepimpinan selepas kehilangan Allahyarham Tun Razak berjalan secara tradisi tetapi memang berlaku pergolakan besar selepas itu.

Walaupun demikian UMNO terus dan tidak berpecah seperti yang ditakuti dan tambah beliau, "kepimpinan Tun Hussein pada ketika itu adalah kritikal tetapi kepimpinannya dapat mengatasi ancaman yang dihadapi oleh UMNO."